

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATUK SERI PANGLIMA HAJI ABDUL
GHAPUR BIN HAJI SALLEH
(KALABAKAN)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 22.11.2016

**Y.B. DATUK SERI PANGLIMA HAJI ABDUL GHAPUR BIN HAJI
SALLEH [KALABAKAN]** minta **MENTERI KEWANGAN**
menyatakan:-

- (a) apakah benar bahawa antara perkara yang dipersetujui dalam pembentukan Persekutuan Malaysia adalah, Sabah dan Sarawak akan diberikan Pemberian Khas (Special Grants) dan Sumber Tambahan Hasil (Additional Revenue) sepertimana yang termaktub dalam Perkara 112C, Bahagian IV dan Bahagian V Jadual Kesepuluh Perlembagaan Persekutuan Malaysia yang sedang diguna pakai; dan
- (b) jika benar, apakah juga benar bahawa Kerajaan Persekutuan pada masa ini masih terhutang dengan negeri Sabah daripada 40 % Kelayakan Pendapatan Bersih (40% Net Revenue Entitlement), yang jumlahnya sudah melebihi RM10 bilion.